

Kenaikan gaji antara 8 hingga 10 peratus mulai 1 Januari depan

# SISTEM SARAAAN BARU PEKERJA AWAM

Min. M. 13 OCT 1991

**K**UALA LUMPUR 12 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan kenaikan gaji kakitangan kerajaan antara lapan hingga 10 peratus, berkuatkuasa 1 Januari tahun depan.

Perdana Menteri juga mengumumkan sistem baru kenaikan gaji yang lebih fleksibel, termasuk memperkenalkan imbuhan tahunan atau bonus mulai tarikh yang sama.

Menurut beliau, sistem yang dikenali sebagai Sistem Saraan Baru (SSB) itu akan menekankan kepada pencapaian prestasi individu dan peranan yang dimainkannya — hampir sama dengan sistem *flexi wages* yang diamalkan oleh pihak swasta.

"Lebih kuat seseorang bekerja, lebih banyak yang akan diperolehinya," katanya pada sidang akhbar mengumumkan kenaikan gaji kakitangan awam di sini pagi ini.

Pengumuman tersebut dibuat selepas beliau mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja kakitangan kerajaan.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam berkata, SSB akan menjamin setiap anggota mempunyai peluang untuk memajukan kedudukan masing-masing dalam perkhidmatan.

"Bagi anggota yang berusaha dan berpotensi untuk maju, mereka mempunyai peluang kemajuan yang le-

bih baik dan cepat di samping menyumbang secara berkesan serta berkualiti kepada organisasi masing-masing," jelas beliau.

Beliau memberitahu, sebuah jawatankuasa yang akan diawasi oleh Jabatan Perkhidmatan Awam akan menilai prestasi seseorang kakitangan kerajaan sama ada dalam kategori tidak memuaskan, memuaskan, baik dan cemerlang.

Menurutnya, anggota-anggota yang mempunyai kategori prestasi yang berbeza akan menikmati faedah kenaikan gaji yang berlainan.

Beliau berkata, Sistem Saraan Baru juga akan mengandungi komponen berubah, di samping gaji pokok dan imbuhan tetap seperti elaun khidmat awam, keraian dan bayaran bantuan sewa rumah.

Menurutnya, komponen berubah ini merupakan unsur baru yang bertujuan memberi galakan seperti bayaran insentif bagi perkhidmatan kritikal dan imbuhan tahunan.

Beliau memberitahu, buat masa ini beberapa perkhidmatan kritikal telah dikenalpasti, antaranya, pengajar ketukangan, penjaga jentera elektrik, jururawat dan doktor.

Kadar yang ditetapkan bagi bayaran insentif ialah 10 peratus bagi kumpulan sokongan dan lima peratus

**LIHAT MUKA 15**

# BAGI

# SISTEM SARAJAN BARU BAGI PEKERJA AWAM

bagi kumpulan pengurusan dan profesional.

Katanya, kerajaan perlu mengambil kira permintaan terhadap kakitangan serta pegawai yang mempunyai kebolehan tertentu yang turut diperlukan oleh pihak swasta.

"Jika kita tidak memberi layanan kepada mereka ini, maka kita akan kehilangan khidmat mereka kerana berhijrah ke pihak swasta," jelasnya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga tidak mahu lagi berpegang semata-mata kepada kelulusan, sebaliknya memberi penghargaan kepada kebolehan serta kecekapan tertentu.

Katanya, sistem tersebut diperkenalkan kerana sistem lama tidak sesuai lagi dengan pertumbuhan dan aliran ekonomi negara yang sedang menuju ke arah perindustrian.

Beliau menambah, dalam melaksanakan sistem baru ini, kerajaan juga mengambil kira proses perindustrian yang memerlukan kepada kecekapan tertentu seperti dalam bidang teknikal.

Menurutnya, kecekapan ini perlu diberi penghargaan serta layanan kerana kakitangan kolar biru ini dikehendaki memainkan peranan yang penting.